KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DIRAJA DR AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PERASMIAN

EKSPO TVET@KKDW 2025

PADA:

11 OKTOBER 2025

SABTU

BERTEMPAT DI:

IPOH CONVENTION CENTRE (ICC)

IPOH, PERAK

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

(SALUTASI)

MUKADIMAH

1. Pernahkah kita terfikir — bagaimana sebuah negara membina kekuatan sebenar? Ia bukan semata-mata diukur pada gedung pencakar langit atau angka GDP yang menawan, tetapi pada tangan-tangan mahir yang membina, mencipta dan mencorak masa depan.

2. Itulah sebabnya saya bersama pasukan begitu serius mengangkat **TVET**. Kerana kami percaya, masa depan pekerjaan adalah TVET, dan masa depan TVET adalah masa depan Malaysia.

3. Dunia hari ini bergerak pantas ke arah ekonomi berasaskan kemahiran. Di situlah letaknya daya saing negara. Di situ letaknya juga asas kemajuan negara **Siapa yang memiliki tenaga mahir, dialah yang akan menguasai masa depan.**

4. Laporan Bank Dunia, ILO dan UNESCO pada tahun 2023 mendedahkan, negara berpendapatan rendah dan sederhana hanya memperuntukkan sekitar **0.2% GDP** untuk TVET. Sebaliknya, negara maju melabur lebih **0.46% GDP.** Bezanya kecil di atas kertas, tetapi besar kesannya kepada daya saing. Kenapa mereka melabur lebih? Kerana mereka yakin TVET adalah pelaburan jangka panjang untuk kemakmuran negara.

5. Justeru, Malaysia tidak boleh ketinggalan. Alhamdulillah, Perdana Menteri dalam Belanjawan 2025 telah meningkatkan peruntukan TVET daripada **RM6.8 bilion pada tahun 2024 kepada RM7.5 bilion.** Dan semalam, beliau menambah lagi kepada **RM7.9 bilion.** Ini bukti jelas keseriusan Kerajaan untuk mengangkat TVET sebagai arus perdana pembangunan negara.

6. Daripada kesinambungan itu, **KKDW tampil sebagai pemacu utama agenda TVET negara** dengan rangkaian **281 institusi TVET — yang terbesar di Malaysia.** Inilah kuasa yang kita miliki untuk membentuk tenaga mahir, memacu agenda kemajuan, dan menjadikan TVET sebagai pemangkin kemakmuran Malaysia.

PROGRAM BERIMPAK TINGGI: KUASA DALAM NEGARA

Hadirin sekalian,

7. Untuk menjadikan TVET sebagai pemacu sebenar kemajuan negara, kita tidak boleh bergerak secara terpisah. Kita mesti melangkah dengan strategi yang tersusun, melalui kolaborasi menyeluruh antara **12 kementerian di bawah payung Majlis TVET Negara.** Insya-Allah, tidak lama lagi Majlis ini akan diperkasakan menjadi **Suruhanjaya TVET** — badan tunggal yang akan menyelaras dan memacu agenda besar TVET Malaysia.

8. **Pertama**, kita telah menaik taraf **Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)**. Kini, **Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)** bukan lagi terhenti di Tahap 5, tetapi sedang diperluas sehingga **Tahap 6, 7 dan 8** — setara dengan ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD). Ini menjadikan TVET bukan sekadar laluan kemahiran, tetapi laluan akademik yang sama taraf dengan universiti.

9. **Kedua**, kita memperkenalkan mekanisme **pembiayaan TVET berfokus bidang pertumbuhan tinggi dan nilai tinggi (HGHV).** Langkah ini menggalakkan institusi TVET

membangunkan program latihan yang benar-benar selari dengan hala tuju ekonomi baharu negara.

10. **Ketiga**, kita telah melaksanakan **Dasar TVET Negara 2030**, yang menjadi pelan induk untuk membawa Malaysia ke arah negara maju berpaksikan modal insan berkemahiran tinggi. Pelaksanaan dasar ini disokong oleh **UPTVET** — sistem digital yang menyelaras maklumat latihan, pelajar, dan industri dalam satu pangkalan data kebangsaan.

11. Hasil daripada usaha ini, **kadar kebolehpasaran graduan TVET Malaysia kini mencecah 95.1%,** manakala di kolej vokasional ia melonjak antara **97.6% hingga 98.7%.**

12. Malah, transformasi minda masyarakat juga semakin jelas. Pada tahun 2024, lebih **53.5% pelajar lepasan sekolah** memilih aliran TVET sebagai laluan pendidikan mereka. Ini lambang perubahan paradigma — bahawa TVET bukan lagi dianggap pilihan kedua, tetapi pilihan utama masa depan.

13. Lebih daripada itu, melalui sistem **dual-training,** pelajar kita menghabiskan 70 hingga 80 peratus masa latihan

terus di industri sebenar. Ini menjadikan kemahiran mereka relevan, siap pakai, dan menepati kehendak pasaran kerja.

14. Inilah kekuatan sebenar kita. *We have a proven track record.* Bukan janji kosong, tetapi keberhasilan nyata. Dengan asas yang kukuh ini, Insya-Allah kita akan melihat TVET bukan sekadar laluan pendidikan, tetapi wahana membina maruah bangsa dan masa depan Malaysia.

INKLUSIVITI TVET

Hadirin sekalian,

15. Kita kini berada dalam zaman **Generasi Z**. Mereka bukan lagi remaja yang sekadar mencari pekerjaan tetap 9 pagi hingga 5 petang. Kita sedar ramai di antara mereka yang terdedah dengan nilai **kebebasan, fleksibiliti**, dan peluang menjana pendapatan dalam pelbagai cara. Mereka mahu menjadi **multi-skilled**, **multi-income**, dan bekerja mengikut rentak zaman mereka sendiri.

16. Menjawab realiti ini, KKDW telah melangkah ke hadapan dengan memperkenalkan **TVET GIG** — modul latihan jangka pendek yang sudah menyentuh hidup lebih **1,200 anak muda** dengan kemahiran digital dan teknikal,

membolehkan mereka terus menyertai ekonomi gig. Ini menjadikan TVET bukan sekadar pendidikan jangka panjang, tetapi juga **"fast track gateway"** bagi belia menjana peluang sendiri.

17. Namun inklusiviti tidak hanya tertumpu kepada belia di kawasan bandar atau yang mudah diakses. TVET mesti menyapa semua, termasuk **anak-anak Huffaz**. Program TVET harus menjadi jambatan, bukan halangan, bagi mereka menggabungkan ilmu agama dan kemahiran dunia.

18. Di sinilah konsep **TVET Tahfiz** muncul sebagai transformasi pendidikan agama tradisional. Huffaz bukan sahaja menghafaz Al-Quran, mereka turut diperkasa dengan kemahiran teknikal dan keusahawanan - dari elektrik, automotif, ke kimpalan dan teknologi digital. Inisiatif ini telah diperluas menjadikan TVET Tahfiz sebagai model "**Huffaz Berkemahiran Tinggi**."

19. Sebagai contoh, UniKL melalui program **Ulul Albab Huffaz Technologist** mengintegrasikan pembelajaran al-Quran dengan pembelajaran teknikal untuk melahirkan profesional muslim yang seimbang.

20. Walaupun penuh harapan, kita tidak menafikan cabaran di lapangan. Berdasarkan kajian terhadap pusat tahfiz, beberapa halangan yang sering muncul ialah kekangan kewangan, ketiadaan penyelarasan modul kemahiran, kurangnya tenaga pengajar berkemahiran, serta persepsi masyarakat yang lama terhadap pendidikan kemahiran.

21. Kerana itu, apabila saya katakan **TVET Tahfiz** mesti diperkasakan - kita mesti pastikan aspek pembiayaan, modul seragam, latihan pengajar, dan sokongan komuniti dirancang rapi agar mereka benar-benar mendapat manfaat.

22. Inilah wajah TVET kita yang inklusif. Tidak hanya untuk mereka yang mudah dijangkau, tetapi juga untuk mereka di pinggir dan belakang. Untuk Generasi Z yang kreatif, dan Huffaz yang tinggi ilmu agama, mereka semua berhak diberi ruang. Saya percaya **TVET kita harus fleksibel, adil, dan berteknologi tinggi bagi membentuk insan seimbang, yang mampu menapak teguh di dunia moden tanpa kehilangan identiti dan jati diri**.

TEKNOUSAHAWAN & INOVASI TVET

Hadirin sekalian,

23. Kita tidak boleh hanya membina pekerja mahir — kita mesti melahirkan **pencipta peluang, usahawan teknikal, dan penggerak ekonomi baharu.** Inilah roh sebenar **Teknousahawan TVET** yang kita gerakkan.

24. Kita sudah melihat hasilnya. Sehingga kini, sebanyak **442 pelatih teknousahawan** dilahirkan melalui institusi TVET MARA, menjana jualan terkumpul lebih **RM119.88 juta.** Lebih membanggakan, melalui rangka TVET GIATMARA, telah lahir **50 usahawan jutawan,** dan saya mahu kita membina landasan untuk melahirkan **50 lagi jutawan baharu menjelang 2030.**

25. Namun, kita tahu bahawa kemahiran teknikal sahaja tidak mencukupi. Graduan kita mesti dilengkapi dengan **inovasi, kreativiti, dan keberanian untuk mencipta norma baharu.** Mereka perlu menghasilkan penyelesaian segar, menambah baik proses, dan melahirkan produk yang relevan dengan industri masa depan.

26. Buktinya jelas di pentas antarabangsa. **Malaysia muncul juara WorldSkills ASEAN 2025 di Manila** dengan 13

pingat emas, 4 perak dan 3 gangsa. Lebih membanggakan, sebahagian besar emas itu datang daripada anak-anak kita di GIATMARA, Institut Kemahiran MARA, MARA Japan Industrial Institute dan UniKL.

27. Insya-Allah, kejayaan ini bukan garisan penamat. Untuk **WorldSkills Asia 2025 di Chinese Taipei,** saya meletakkan sasaran yang tinggi — dan saya percaya dengan semangat, disiplin dan iltizam wira-wira kemahiran kita, **Malaysia akan terus unggul di persada antarabangsa.**

PENUTUP

Hadirin sekalian,

28. I have a vision. **Skills must be the new currency of our nation.** Bukan lagi sekadar kertas sijil, tetapi nilai yang menentukan kedudukan Malaysia di pentas dunia.

29. Dunia bergerak pantas dengan arus teknologi dan digitalisasi. Tanggungjawab kita ialah memastikan TVET menjadi tunjang kemajuan - melahirkan bukan sahaja tenaga kerja, tetapi generasi yang mampu mencipta masa depan dengan keyakinan dan jati diri.

30. Hari ini kita sudah membuktikan bahawa TVET bukan lagi jalan alternatif. ***It is a strategic choice*** — satu laluan yang membuka mobiliti sosial, memperkasa belia di desa dan bandar, serta menghubungkan bakat dengan peluang sebenar.

31. But **Government, industry, community — we must move as one.** Hanya dengan kekuatan bersama, kita mampu memastikan setiap anak muda, tanpa mengira latar belakang, mempunyai peluang yang adil untuk berjaya dan berbakti kepada negara.

32. ***This is our commitment. This is our struggle.*** *TVET is not just education.* ***It is the future of Malaysia.*** *And with this new currency of skills, we will secure a stronger, fairer and brighter tomorrow.*

Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya merasmikan **Ekspo TVET@KKDW 2025.**

Sekian, terima kasih.
Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.